

# Pasukan khas percepat kelulusan perolehan pasukan keselamatan

Rombakan dibuat pastikan urusan pertahanan negara lebih telus

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan satu pasukan khas ditubuhkan bagi mempercepatkan kelulusan perolehan membabitkan pasukan keselamatan negara.

Perdana Menteri berkata, pasukan khas itu akan dipantau oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.

“Saya harap ada satu pasukan khas untuk memastikan semua kelulusan perolehan dipercepatkan walaupun ketika akhir tahun.

“Ini yang saya dengar hasil maklum balas daripada perbincangan santai dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), polis dan beberapa badan penguatkuasaan yang lain (berhubung kelulusan perolehan),” katanya ketika berucap menyampaikan amanat pada Ma-



Anwar beramah mesra bersama warga Kementerian Kewangan pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

jlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Anwar berkata, sistem per-

olehan untuk pasukan keselamatan negara perlu dirombak supaya lebih telus.

“Minggu lalu, saya ada per-

bincangan santai dengan rakan di Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri dan badan penguatkuasaan,

(mereka) tentunya menuntut perbelanjaan lebih besar kerana kelengkapan pertahanan terbiar.

“Sistem perolehan agak lemah, nama sistem perolehan tetapi tidak diperoleh, banyak ketirisan, jadi faktanya apa? Ia harus dirombak dan lebih telus, biar golongan profesional berikan pandangan dan kita nilai dari segi Kementerian Kewangan,” katanya.

## Laksana tugas dengan baik

Perdana Menteri berkata, kelulusan perolehan bagi pasukan keselamatan negara wajib disegerakan untuk mereka melaksanakan tugas dengan baik.

“Walaupun akhirnya kita berikan keputusan (kelulusan) supaya mereka teruskan kerja. Ini (input) saya dengar daripada perbincangan santai dengan pimpinan pasukan keselamatan,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri merakamkan penghargaan kepada semua warga Kementerian Kewangan sepanjang setahun beliau menerajui kementerian berkenaan.

“Selama setahun di sini, kerjasama itu baik, Alhamdulillah, tak tersinggung dan saudara bekerja sebagai satu pasukan,” katanya.